

SYARAT – SYARAT DI
BANGUNAN PUSANIKA

1.	Sebarang aktiviti/program jualan hendaklah mendapatkan kelulusan dari Pusat Hal Ehwal Pelajar terlebih dahulu.
2.	Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya keatas kerosakan, kemusnahan dan kehilangan peralatan milik Universiti akibat kecuaianya sepanjang tempoh penyewaan.
3.	Penyewa bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan di semua bahagian ruang/tempat yang digunakan sepanjang tempoh sewaan dan perlu membawa keluar semua sampah atau segala terbitan sisa dari premis perniagaan dan kemudahan Universiti.
4.	Semua kawasan dalam Universiti adalah kawasan larangan merokok.
5.	Penyewa tidak dibenarkan menampal/melekat/menggantung bahan-bahan hebahan seperti banner, bunting, poster, brosur atau gambar di dalam kawasan Pusanika melainkan setelah mendapat kelulusan dari pihak Pusat Hal Ehwal Pelajar.
6.	Penyewa hendaklah mematuhi had masa yang ditetapkan dan mengeluarkan segala peralatan kepunyaan sendiri daripada ruang sewaan serta merta selepas tamat tempoh sewaan.
7.	Program/Aktiviti yang dijalankan oleh pihak penyewa hendaklah tidak bertentangan dengan Undang-undang Negara, Perlembagaan dan tidak mencemarkan imej dan nama Universiti sebagai Universiti Awam.
8.	Minuman keras dan makanan yang tidak halal adalah dilarang sama sekali.